

Mahathir tiada niat jadi PM seumur hidup

BH 2 MAY 2002
Oleh Kadir Dikoh dan
Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau tidak berniat menjadi Perdana Menteri seumur hidup, malah bercadang bersara dan membuat perkara kesukaannya.

Perdana Menteri berkata, beliau juga perlu diberi peluang berehat dan beribadat seperti bersara lain sebagai persediaan untuk akhirat.

"Saya harap tidak ada kepercayaan-bahawa, saya boleh menjadi Perdana Menteri seumur hidup. Saya fikir ada masanya, siapa

juga terpaksa undur diri. Saya tidak mahu duduk jawatan ini sampai bila-bila, saya pun nak juga buat apa yang saya hendak buat... saya akan berbuat demikian bila tiba masanya," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis dialog dengan kira-kira 800 hadirin pada perhimpunan Hari

Pekerja 2002 bagi sektor awam di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di Bukit Kiara di sini, hari ini.

- Kerajaan tidak tunduk tekanan hapus kuota Bumiputera
- Tiga negara Arab mahu cuba dinar emas

Dr Mahathir memberi reaksi kepada satu soalan peserta yang meminta beliau terus kekal sebagai Perdana Menteri selagi masih hidup kerana kepemimpinannya amat diperlukan.

Bagaimanapun katanya, jika beliau tidak lagi menjadi Perdana Menteri, bukan bermakna dunia ini akan berakhir.

"Kerana orang lain, fesyen lain... boleh jadi pula, sama saja.

"Banyak orang lupa ketika saya dipilih jadi Timbalan Perdana Menteri, banyak orang kata apa nak jadi ini... sekarang ini kita dapat benda lain tetapi macam itu mungkin ditukar lain pula.

"Jadi saya ucap banyak terima

kasihlah kerana mencadang supaya saya bekerja seumur hidup selagi mampu, saya fikir bagi orang lain pulalah. Jadi bagilah peluang kepada orang (beliau) nak rehat sikit, nak beribadat sikit kerana kita semua nak pi ke situ (akhirat)," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menjawab kira-kira sembilan soalan daripada empat peserta yang mengambil masa kira-kira sejam. Sebelum itu, beliau menyampaikan ucapan selama sejam.

LIHAT MUKA 2

Setiap keputusan kerajaan ambil

DARI MUKA 1

Pada soalan terakhir, beliau sempat berseloroh yang antara lain berbunyi: "Ada lagi (soalan), dah lama berdiri ni, tak tahan... dah tua".

Pada majlis dialog itu, Dr Mahathir turut menjelaskan mengenai tindakan kerajaan menangani pelbagai isu berbangkit dan menyatakan tidak semua kehendak atau tuntutan itu boleh

dipenuhi.

Beliau berkata, setiap keputusan yang kerajaan buat ada sebab dan rasionalnya dengan mengambil kira kepentingan rakyat keseluruhannya dan bukannya golongan tertentu saja.

Sebagai contoh katanya, beliau sendiri yang sudah lama menjadi wakil rakyat kawasan Kubang Pasu terpaksa melayani pelbagai kerenah rakyat dan ber-

usaha menyumbang bakti sebaik mungkin.

Beliau berkata, pelbagai masalah dikemukakan seperti jalan yang tidak bertar, ketiadaan lampu hingga kepada masalah bekalan air.

"Kalau nak kira tak puas hati itu, banyak. Kita tahu Tuhan bagi kat kita pun kita tak puas hati. Kalau hujan tak turun, (merungut) tiada hujan, kering, berdebu, nak bernyawa

pun tak boleh... itu Tuhan bagi.

"Jadi kita tak boleh habiskan masalah kita dan kita akan cari jalan untuk menyelesaikan masalah, selagi kita mampu," katanya.

Bagaimanapun katanya, sebagai manusia biasa semua orang membuat kesilapan dan ia perlu diperbetulkan.

"Jadi kalau kita salah, kita terima supaya dibe-

kira kepentingan rakyat

tulkan dan jika pihak lain salah, mereka juga perlu menerima teguran dan perbetulkan," katanya sambil menyifatkan hubungan antara kerajaan dan pihak kesatuan sekerja terutama Cuepacs adalah baik kerana banyak masalah diatasi melalui perundingan.

"Bila kerajaan berunding dengan pekerja (kesatuan sekerja), tak semestinya pendapat kerajaan saja be-

tul, pendapat pekerja tak betul. Kalau kedua-dua pihak sanggup berunding, banyak masalah boleh diselesaikan.

"Ini kerana kedua-dua pihak manusia biasa, bukan malaikat atau Nabi dan kita sering membuat kesalahan. Kita perlu bermaaf-maafan di antara kita," katanya.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai demonstrasi jananan oleh sekum-

pulan anggota pertubuhan bukan kerajaan dari Jalan Tuanku Abdul Rahman ke Menara Kuala Lumpur pagi tadi, beliau berkata demonstrasi bukannya cara untuk menyelesaikan masalah.

"Ini bukan cara untuk penyelesaian. Kita beri pertimbangan, tetapi janganlah harapkan bahawa semua yang kita minta, kita akan dapat," katanya.